

beritasiswa

Dewan Syura Siswa USIM kali pertama bersidang

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Bandar Baru Nilai

Dewan Syura Siswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang julung kali bersidang, baru-baru ini, membahaskan 12 usul penting berkaitan maha-

siswa dalam empat tema utama meliputi kebajikan, akademik, kerohanian dan kewangan.

Persidangan ala Dewan Rakyat itu membatikan 114 perwakilan terdiri daripada anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM dan kepemimpinan kelab, persatuan serta badan beruniform; jawatankuasa kebajikan kolej kediaman; dan sekretariat

pelajar di fakulti.

Pembukaan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Zulkiple Abdul Ghani, manakala pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Nazrul Muhamad Nazir, mempengerusikan persidangan selaku Yang Dipertua dewan.

Yang Dipertua MPP, Imran Razalle, berkata

persidangan berlangsung di Dewan Senat USIM itu menyaksikan perwakilan bersemangat membahaskan semua usul dengan kritis dan matang.

Senarai pendek usul

Antaranya, usul mewujudkan Pusat Inovasi Pelajar dan meningkatkan dana inovasi pelajar; serta memperbaiki tahap penguasaan bahasa asing dan budaya celik al-Quran dalam kalangan mahasiswa.

Selain itu, mewujudkan prosedur operasi standard bagi aktiviti rondaan malam oleh pelajar; menubuhkan tabung kebajikan pelajar luar kampus; dan memasukkan Perlembagaan Dewan Syura Siswa ke dalam Perlembagaan USIM.

"Sebanyak 40 usul cadangan diterima oleh Jawatankuasa Dewan Syura Siswa daripada



Dewan Syura Siswa USIM bersidang untuk kali pertama.

mahasiswa sepanjang tempoh penghantaran dibuka sehingga 2 Mei lalu.

"Selepas penelitian rapi dan mengambil kira peraturan usul mengikut Perlembagaan Dewan Syura Siswa, hanya 12 usul disenarai pendek untuk dibahaskan oleh perwakilan," katanya.

Merakytakan suara

Imran berkata, dewan itu ditubuhkan atas roh dan semangat untuk menjunjung institusi syura serta usaha merakytakan

suara mahasiswa, sekali gus menjadi platform membahaskan tuisul dan idea yang mampu menyumbang ke arah kegemilangan ummah.

Dewan itu antara lain berperanan membahaskan isu semasa di dalam dan luar kampus, termasuk pada peringkat antarabangsa, serta peraturan universiti meliputi Kaedah-kaedah USIM (Tatatertib Pelajar-pelajar) 2009 sebelum mengemukakan kepada pihak pengurusan universiti.



Perwakilan membahaskan usul secara kritis dan matang.